

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH
(KUBANG KERIAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 17.05.2016

Y.B. TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH [KUBANG KERIAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah wang Ihsan yang telah diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) dan Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan (JPPK) untuk tahun 2016 dan apakah projek-projek yang akan dilaksanakan menggunakan wang tersebut.

JAWAPAN

Pengagihan dana Wang Ehsan Negeri Kelantan (WENK) antara MAIK dan JPPK ditetapkan pada nisbah 50:50. Berdasarkan hasil kutipan petroleum pada tahun 2015, MAIK dan JPPK masing-masing diperuntukkan sebanyak RM20.3 juta bagi melaksanakan Program WENK. Program ini antara lain meliputi pembinaan infrastruktur awam

seperti jembatan; pembinaan blok tambahan dan penyelenggaraan sekolah-sekolah agama; pembinaan dan penyelenggaraan sistem saluran; pemuliharaan tebing sungai dan sungai; bantuan pelajar ke IPTA; serta bantuan bencana.